

09/01/1999

Ramai puji tindakan Rahim

KUALA LUMPUR, Jumaat - Keputusan Tan Sri Abdul Rahim Noor meletak jawatan sebagai Ketua Polis Negara dan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan yang dialami Datuk Seri Anwar Ibrahim, mendapat pujian pelbagai pihak.

Majlis Belia Malaysia (MBM) menganggap keputusan beliau itu sebagai langkah terpuji dan berharap ia dapat mewujudkan budaya baru mengenai tanggungjawab kakitangan awam.

Presidennya, Saifuddin Abdullah, dalam satu kenyataannya di sini hari ini berkata tindakan Rahim itu akan menggalakkan pegawai kanan kerajaan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan bidang kuasa terhadap orang bawahannya.

"Bagaimanapun, peletakan jawatan Tan Sri Rahim belum menjawab persoalan pokok iaitu siapakah yang mengakibatkan berlakunya kecederaan kepada Datuk Seri Anwar.

"Oleh itu, cadangan supaya diadakan satu suruhanjaya bebas bagi menyiasat kes itu mestilah diteruskan dan mereka yang bertanggungjawab mesti dibawa ke pengadilan," katanya.

Semalam, Rahim mengumumkan peletakan jawatan sebagai Ketua Polis Negara berkuatkuasa hari ini sebagai mengambil tanggungjawab penuh atas kecederaan Anwar ketika dalam tahanan polis.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, pula berharap keputusan Rahim itu tidak akan merosakkan kepercayaan masyarakat kepada polis, sebaliknya masyarakat harus berterima kasih atas usaha yang dilakukan polis menjaga keamanan dan ketenteraman awam dengan baik selama ini.

"Kita harap keputusannya itu juga tidak mencemarkan perkhidmatan cemerlangnya sebagai ketua dalam perkhidmatan polis selama ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Ujian Kecekapan Komputer oleh Information Technology Competency Standards Sdn Bhd (ITC Standards), di sini hari ini.

Pengerusi Penaja Pergerakan Keadilan Sosial (Adil), Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, berkata tindakan Rahim itu tidak akan membebaskan mereka yang terbabit mencederakan Anwar ketika dalam tahanan.

Menurutnya, Adil mendesak langkah segera diambil oleh suruhanjaya bebas untuk menjalankan siasatan sepenuhnya berhubung laporan kekejaman polis dalam menjalankan tugas mereka.

"Peletakan jawatan yang mungkin bertujuan mengabui mata rakyat ini tidak boleh diterima sebagai usaha menutup perbuatan keji yang dilakukan polis ke atas orang ramai," katanya kepada pemberita di belakang Mahkamah Jalan Raja di sini.

Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu memberi jaminan bahawa orang yang bertanggungjawab ke atas kecederaan Anwar mesti dikenal pasti, dibicara dan dihukum sewajarnya.

(END)